

**PKR Pertaruh Anak Kuala Terengganu Bertanding Kerusi Parliman Kemaman
Bernama
10 April, 2013**

KEMAMAN, 10 April (Bernama) -- Parti Keadilan Rakyat (PKR) mengumumkan Kamarudin Chik, yang berasal dari Kuala Terengganu sebagai calon parti itu di kerusi Parlimen Kemaman pada pilihan raya umum ke-13 (PRU13).

Ketua Umum PKR Datuk Seri Anwar Ibrahim ketika mengumumkan perkara itu pada satu majlis di Kemaman lewat Selasa malam, berkata Kamarudin, 47, dipilih kerana memenuhi kriteria, antaranya anggota parti yang setia dan tidak mudah khianat kepada parti.

"Di Kemaman ini ada 1,000 lebih layak jadi calon (PKR)...ada tokoh lama, baharu tapi saya bincang dan kaji kita nak orang tempatan, kita nak orang berkeelayakan, kita nak orang muda yang bertenaga.

'Sebab itu kita pilih orang Terengganu menetap di Kemaman...kita tidak mahu berlaku seperti 2008, khianat sebelum pilihan raya dan khianat selepas pilihan raya tak dapat jadi calon, kriteria penting kita adalah orang yang taat dan tidak belot dan tidak khianat parti," katanya

Kamarudin yang menjadi anggota PKR sejak 1998 ketika ditemui pemberita kemudian berkata beliau hanya maklum namanya dicalonkan kira-kira pukul 4 petang Selasa.

Pada pilihan raya umum 2008, calon Barisan Nasional (BN) yang kini Menteri Belia dan Sukan Datuk Seri Ahmad Shabery Cheek mengalahkan calon PKR Fariz Musa dengan majoriti 12,683 undi di kerusi Parlimen Kemaman.

--BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=940850>